

13/10/2002

Amerika serang Iraq untuk jaga air muka

BANDAR SERI BEGAWAN: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Amerika Syarikat (AS) akan menyerang Iraq bila-bila walaupun tanpa kelulusan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Perdana Menteri berkata, Presiden AS, George W Bush terpaksa mengambil tindakan itu demi menyelamatkan air mukanya kerana sebelum ini dia sudah berikrar untuk berbuat demikian.

"Saya yakin AS akan menyerang Iraq kerana Bush telah meletakkan dirinya dalam keadaan tersepit. Jika dia (Bush) tidak melakukannya, bermakna dia akan memalukan dirinya sendiri dan orang tidak akan menghormatinya.

"AS kini tiada jalan keluar, justeru ia akan melancarkan perang bagi memusnahkan Iraq dengan kemungkinan besar mengebom dari udara, bukan serangan darat," katanya pada sesi soal jawab bersama rakyat Malaysia di sini dalam jamuan tengah hari di Pusat Konvensyen Antarabangsa (ICC) semalam.

Hadir sama ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Brunei, Datuk Salman Ahmad.

Dr Mahathir berkata, serangan AS ke atas Iraq pasti memberi kesan kepada seluruh dunia dan tidak kepada dua negara terbabit saja. Ia juga menyebabkan ketidaktentuan ekonomi dunia berikutan AS menjadi rakan dagang terbesar kebanyakan negara.

"Malah peperangan itu akan turut menjejaskan hubungan perdagangan Malaysia dengan negara Teluk," katanya.

Perdana Menteri bimbang, jika perang itu meletus, bukan saja banyak negara akan marahkan AS, malah mungkin sesetengah umat Islam akan melakukan tindakan keganasan, sekali gus menyebabkan dunia tidak stabil.

Beliau menegaskan, Malaysia membantah sebarang tindakan menyerang Iraq kerana ia tidak membantu menumbangkan Presiden Saddam Hussein, sebaliknya mencetuskan lebih banyak penderitaan rakyat Iraq.

Terdahulu dalam sidang akhbar di tempat penginapannya, Perdana Menteri berkata negara Islam tidak boleh bertindak keluar daripada PBB semata-mata sebagai protes, kerana ia hanya menyebabkan negara dan masyarakat Islam terus ditekan oleh kuasa besar.

"Kalau kita keluar PBB, pengaruh kita akan hilang. Umpamanya, sekarang ini PBB ditekan supaya mempersetujui serangan ke atas Iraq. Kalau kita tiada dalam PBB untuk menentukan majoriti menentang rancangan ini, mungkin PBB akan menyokong cadangan sedemikian. Pada masa itu, masyarakat Islam akan kecewa," katanya.

Beliau berkata, umat Islam tertekan disebabkan mereka lemah dan tidak bersatu padu, tidak mengejar kejayaan dunia dengan mempelajari ilmu serta kebolehan tertentu terutama dalam bidang ketenteraan.

Oleh itu, katanya, umat Islam sendiri harus dipersalahkan kerana berpecah dan bermusuhan sehingga menyebabkan mereka ditekan, sedangkan agama Islam menuntut umatnya bersaudara.

Mengenai keputusan kongres AS meluluskan resolusi memberi mandat kepada Bush bagi melakukan serangan ke atas Iraq, Dr Mahathir berkata: "Itu hak kongres...itu hak AS. Yang menjadi hak PBB ialah mengawasi dan menentukan sebarang tindakan seperti itu mendapat kelulusan PBB."